



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 3 Sesi 2022/2023

Sejarah (21)

2 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
C	1	20	
	2	20	
Jumlah		80	

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Matlamat pendidikan tidak formal di negara kita sebelum kedatangan kuasa Barat adalah untuk
 - A melatih tenaga kerja.
 - B menguasai ilmu keagamaan.
 - C melahirkan individu yang berdikari.
 - D mewujudkan masyarakat yang berilmu.
- 2 Apakah strategi Portugis untuk menjatuhkan Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Pakatan
 - B Serangan
 - C Perjanjian
 - D Tipu helah
- 3 Bagaimanakah British berjaya campur tangan di Perak?
 - A Melakukan ugutan kepada Sultan Perak
 - B Tipu helah kepada Sultan Kedah
 - C Perebutan takhta di Perak
 - D Berpaktat dengan Belanda
- 4 Pada 1 April 1867, Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Tanah Jajahan British di London.

Apakah status Negeri-negeri Selat berikutnya pemindahan tersebut?

- A Tanah jajahan India
 - B Tanah jajahan British
 - C Negeri naungan British
 - D Negeri-negeri merdeka
- 5 Siapakah yang mengetuai dan mengurus hal ehwal Tanah Jajahan British ?
 - A Gabenor Jeneral
 - B Residen Kaunselor
 - C Setiausaha Negara
 - D Gabenor Negeri-negeri Selat

6 Mengapakah Sungai Linggi menjadi rebutan pembesar di Sungai Ujong?

- A Pengutipan cukai
- B Benteng pertahanan
- C Pelabuhan perdagangan
- D Perdagangan bijih timah

7 Maklumat berikut berkaitan kekacauan yang berlaku di Perak.

- Ngah Ibrahim membawa masuk pelombong Cina
- Pergaduhan pelombong Cina antara kumpulan Ghee Hin dan Hai San

Bagaimanakah peristiwa tersebut memberi kesan kepada Perak?

- A Campur tangan Belanda
- B Tercetusnya Perang Larut
- C Ketidakpuasan hati pembesar Melayu
- D Keselamatan pelabur Eropah terancam

8 Maklumat berikut merujuk kepada pelabuhan di negara kita.

Abad	Pelabuhan
Abad ke -19	Kuala Sepetang merupakan pelabuhan mengangkut biji timah
Abad ke-20	Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan pelabuhan kontena

Mengapakah negara luar masih berminat menggunakan pelabuhan di negara kita?

- i. Kemudahan pelabuhan
- ii. Kutipan cukai yang rendah
- iii. Kekuahan nilai matawang
- iv. Kelengkapan teknologi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Faktor perluasan kuasa British di Perlis,Kedah,Kelantan dan Terengganu.

Perancis berusaha meluaskan kuasa ke Segenting Kra

Mengapakah usaha Perancis tersebut perlu dihalang British?

- A Pengeluar penting hasil hutan.
- B Mengeksplotasi hasil pertanian.
- C Menggugat pelabuhan Singapura.
- D Menjadi penampang Negeri-negeri Melayu.

10 Apakah slogan yang digunakan oleh British dalam usaha meluaskan kuasanya di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu?

- A Beban Orang Putih
- B Asia Untuk Orang Asia
- C Agi Hidup Agi Ngelaban
- D Tugas Menyebarkan Tamadun

11 Perluasan kuasa Barat di Sarawak dilakukan oleh pihak persendirian, iaitu James Brooke. James Brooke menggunakan empat strategi dalam usaha mendapatkan kuasa pemerintahan iaitu rundingan, ugutan, perjanjian dan ketentaraan.

Bagaimanakah James Brooke mengukuhkan kuasanya di Sarawak?

- A Renjer Sarawak ditubuhkan
- B Memujuk Datu Patinggi Ali
- C Menamatkan penentangan terhadap Brunei
- D Pengiran Raja Muda Hashim memujuk pembesar Melayu

12 Gelaran Orang Kaya (O.K) diberikan oleh Kesultanan Brunei terutamanya kepada pemimpin Iban dan pemimpin tempatan.

Apakah tujuan gelaran tersebut diberikan?

- A Memartabatkan kuasa pemimpin.
- B Menonjolkan pangkat mereka di kampung.
- C Memartabatkan jawatan mereka sebagai ketua.
- D Menonjolkan kedudukan mereka sebagai pemimpin.

13 Siapakah Gabenor pertama Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah?

- A Baron Gustavus Von Overbeck
- B Wiliam Hood Treacher
- C Charles Lee Moses
- D James Brooke

- 14 Apakah sistem yang digunakan untuk membawa masuk buruh dari China ke Tanah Melayu ?
- A Buruh
B Majikan
C Kontrak
D Kangani
- 15 Pada tahun 1897 lembaga berikut ditubuhkan untuk mengeluarkan wang kertas di negara kita.

Lembaga Pesuruhjaya Wang

Antara berikut, negeri manakah yang menggunakan mata wang tersebut?

- I Johor
II Kelantan
III Melaka
IV Pulau Pinang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 16 Tokoh berikut terlibat dengan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Raja-raja Melayu

R.C. Woods

Perjanjian yang dimaksudkan ialah

- A Perjanjian Sulit
B Perjanjian Pangkor
C Perjanjian Bangkok
D Perjanjian Sempadan
- 17 Apakah faktor yang mendorong penentangan Tok Janggut di Kelantan?
- A Pelantikan residen
B Pelaksanaan cukai
C Pembinaan Pejabat Tanah
D Pelucutan Jawatan Penghulu

- 18 Kebijaksanaan Dato' Abdul Rahman bin Andak mematahkan usaha peluasan British di Johor telah membangkitkan kemarahan pihak British.
Apakah implikasi daripada tindakan beliau tersebut?
- A Dibuang negeri
B Diturunkan pangkat
C Dijatuhi hukuman mati
D Dibersarkan daripada pentadbiran
- 19 Apakah tujuan British menandatangani Perjanjian Bangkok 1909?
- A Memulihkan hubungan antara Siam dan Kedah
B Memutuskan hubungan antara Kedah dan Siam
C Membangkitkan kuasa British di Negeri-negeri Melayu
D Memecahbelahkan wilayah Negeri-negeri Melayu Utara
- 20 Mengapakah undang-undang Tubuh Kerajaan Johor digubal?
- A Memajukan ekonomi
B Meluaskan perdagangan
C Memodenkan pentadbiran
D Mempertahankan identiti negeri

Bahagian B
[40 markah]
Jawab semua soalan.

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

Kuasa Barat telah berminat untuk menguasai negara kita kerana pelbagai faktor.

- 1 (a) Apakah yang mendorong kuasa barat untuk campurtangan dan menjajah negara kita

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Corak sistem pemerintahan di negara kita banyak mempengaruhi pembentukan susun lapis masyarakatnya

Nyatakan tugas-tugas sultan bagi tiap negeri di Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Kedatangan Kuasa Barat pada Abad Ke-19 dan Abad Ke-20 telah merubah sistem ekonomi penduduk tempatan. Apakah faktor yang mendorong kedatangan kuasa Barat ini?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- Perebutan takhta Kesultanan Kedah
- Ancaman Siam
- Tipu helah Francis Light

2 (a) Apakah punca berlaku perebutan takhta Kesultanan Kedah?

.....

.....

[2 markah]

(b) Mengapakah Sultan Abdullah menawarkan Pulau Pinang kepada SHTI?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah British menggunakan strategi tipu helah untuk menduduki Pulau Pinang?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Gambar berikut berkaitan dengan dasar British terhadap sistem pendidikan Tanah Melayu.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa



(Sumber: <https://berita.mcoba.org/2010/03/17/school-of-kings-king-of-schools-the-malay-college-kuala-kangsar-perak/>)

- 3 (a) Apakah tujuan Kolej Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan sistem Sekolah Vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Petikan berikut adalah mengenai kepentingan amalan membaca kepada masyarakat.

Pada era globalisasi ini, pendidikan dalam semua lapisan masyarakat semakin penting dan diutamakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memupuk amalan membaca namun, budaya membaca dalam masyarakat masih rendah lagi. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung dapat membantu memajukan negara. Dengan ini, isu budaya membaca dalam kalangan masyarakat tidak boleh dipandang ringan. Jika budaya tersebut dibiarkan begitu sahaja hasrat masyarakat untuk menjadikan negara kita negara maju pasti akan terganggu. Pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah berusaha mengamalkan budaya membaca kerana membaca merupakan jambatan ilmu.

(Sumber: <https://batulaut2.blogspot.com/2015/06/kepentingan-amalan-membaca-kepada.html>)

Berdasarkan petikan tersebut, apakah kepentingan amalan membaca dalam kalangan masyarakat?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Penguasaan British terhadap Negeri-negeri Melayu Utara didorong oleh persaingan kuasa Barat terutamanya British dan Perancis. British akhirnya berjaya meluaskan kuasa ke atas Negeri-negeri Melayu Utara melalui Perjanjian Bangkok 1909.

- 4 (a) Senaraikan tiga Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- (b) Terangkan reaksi pemerintah Kedah terhadap Perjanjian Bangkok.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Sikap bijaksana amat penting dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Beri pendapat anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

*Jawab mana-mana **satu** soalan daripada bahagian ni.**Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

Gambar berikut menunjukkan Kota Belanda di Pulau Pangkor, Perak.



- 1 (a) Jelaskan peringkat awal kegiatan melombong bijih timah pada abad ke -15 di negeri Perak.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (b) Terangkan bagaimana perbalahan di antara pembesar Melayu Selangor membuka peluang kepada manipulasi British untuk menguasai Selangor.

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

[8 markah]

- (c) Cadangkan usaha yang boleh diambil oleh pemimpin untuk mengekalkan kedaulatan negara Malaysia.

[8 markah]

Maklumat berikut menunjukkan peristiwa penentangan British yang berlaku di Terengganu.

- Kebangkitan Tani 1922
- Kebangkitan Tani 1925
- Kebangkitan Tani 1928

- 2 (a) Apakah faktor perjuangan Haji Abdul Rahman Limpong dan Masyarakat Tani di Terengganu antara tahun 1922-1928?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- (b) Jelaskan faktor kegagalan penentangan masyarakat tempatan menentang kuasa British.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

(c)

Melentur buluh biarlah dari rebungnya

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

Berdasarkan peribahasa tersebut, cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk generasi muda yang akan menghargai perjuangan tokoh-tokoh negara.

[8 markah]

NAMA:
KELAS:

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

BORANG JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A
ANSWER SHEET FOR SECTION A

- | | |
|--|--|
| 1 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 11 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 2 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 12 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 3 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 13 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 4 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 14 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 5 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 15 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 6 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 16 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 7 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 17 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 8 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 18 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 9 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 19 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |
| 10 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D | 20 <input type="radio"/> A <input type="radio"/> B <input type="radio"/> C <input type="radio"/> D |